

Bil 1 Tahun 2012

BULETIN

PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Ulang Tahun



**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA**

10

RIBUAN ORANG
BANJIRI
KARNIVAL SSM,
PAGOH SEMPENA ULANGTAHUN
SSM KE 10

PENGENALAN
ANGGOTA
MS08 **SSM 2012**

MS12 **TIPAH TERTIPU!!!**
JANGAN TERPERDAYA DENGAN
SKIM PELABURAN TIDAK SAH

10
2002 - 2012
TAHUN

Ms16
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
MEMPERKENALKAN
PERKONGSIAN
LIABILITI TERHAD

NOTA PENGARANG



Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Pejam celik, pejam celik, kita sudah melangkah ke tahun baru 2012. Sekejap sahaja waktu meninggalkan kita. Yang pasti tahun 2011 diwarnai dengan pelbagai cerita dan nostalgia.

Mengimbau seketika aktiviti sepanjang tahun 2011, boleh dikategorikan sebagai satu kejayaan manis buat SSM. Kalau mengikut kronologinya, di awal tahun 2011, nama SSM telah diangkat ke satu tahap yang tinggi apabila diiktiraf oleh Ketua Setiausaha Negara melalui Mesyuarat Panel Pemantauan Perkhidmatan (3P) atas pencapaian promosi dan tindakan proaktif melalui Seksyen Perhubungan Awam (SPA) SSM dalam membantu meningkatkan promosi Sistem Penyampaian Awam Sepanjang tahun 2010.

Hatrik kejayaan SSM boleh dilihat selepas beberapa siri penganjuran berkonsepkan kemasyarakatan iaitu Program SSM Mendekati Rakyat yang diadakan negeri Pahang, Sarawak dan Sabah. Menariknya program berkenaan telah mendapat sambutan ramai yang mana lebih 2,000 hingga 5,000 orang menghadiri program tersebut. Apa yang saya boleh simpulkan, program berkenaan telah mencapai objektifnya iaitu untuk mendedahkan kepada orang ramai tentang kepentingan mendaftarkan perniagaan mahupun memperbadankan syarikat disamping mempromosi kesedaran berkenaan skim kepentingan.

Tidak dinafikan, ramai pihak mahu meninggalkan banyak kenangan manis tahun 2011 dan berazam untuk membuka lembaran baru 2012. SSM tidak terkecuali apabila namanya telah melonjak naik dengan penganjuran *Workshop on Making a Difference for Entrepreneurs : Doing Business In Asia – World Bank Visit@SSM*, Majlis Perjanjian Kerjasama SSM-TM-BSN, Majlis Dialog Tahunan SSM dan Seminar Promosi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan - Kaedah Promosi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan kaedah terbaik SSM (PAS) serta Program *National Conference* yang diadakan pada bulan Jun 2012.

Justeru, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan terharu kerana mendapat sokongan tinggi daripada seluruh kakitangan SSM sepanjang penganjuran program tahun 2011. Yang penting, tahun 2011 banyak memberi pengajaran kepada kita semua. Oleh itu, kehadiran tahun baru 2012 ini adalah harapan kita untuk melihat perubahan lebih baik berlaku demi kemajuan dan kemakmuran kita semua.

Akhir kata, hari ini kita mesti bersama berkerja untuk membuat perubahan, tidak kira apa juar jawatan dan tugas kita di SSM. Pendek kata, tahun baru mesti ada perubahan dalam menempuh tahun 2012.

Selain takdir yang ditentukan Tuhan, hanya diri kita sahaja yang dapat menentukannya sama ada perubahan itu dapat berlaku. Insya-Allah.

Selamat membaca!

Zahrah Abd. Wahab Fenner

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)



SIDANG REDAKSI

PENAUNG KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM

Tuan Mohd Naim Daruwish
mnaim@ssm.com.my

KETUA PENGARANG TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Zahrah Abd. Wahab Fenner
zahrah@ssm.com.my

PENGARANG / PENYELARAS PENERBITAN

Shahren Yusri
shahren@ssm.com.my

PENGARANG

Suzana Mohd Razali
suzana@ssm.com.my

KETUA EDITOR

Wan Zarazillah Wan Abu Bakar
wanzarazillah@ssm.com.my

PENOLONG KETUA EDITOR

Mohammad Arif Nizam Abdullah
arfnizam@ssm.com.my

PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Shahren Yusri
Mohammad Arif Nizam Abdullah
Norhaslinda Salleh
Azleen Azmee
Khairon Niza Md Akhir

JURUGAMBAR

Wan Indera Luthfi Wan Abu Bakar
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

PENGUMPUL MAKLUMAT

Zubaiddah Yusof
Mohd Rafique Kosnin
Muhammad Ilham Ibrahim
Nurulhazirah Md Idros
Salbiah Mohamad Said

PENGEDARAN

Hairul Adhar Ramli
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

KANDUNGAN



KARNIVAL PAGOH ms04

MBBPC ms06

PENGENALAN ANGGOTA SSM 2012 ms08

KERJAYA DI SSM ms10

TIPAH TERTIPU ms12

Perkongsian Liabiliti Terhad ms14

Tanggungjawab Korporat ms15

INDUKSI 2012ms16

Peristiwa bergambar ms18

Berita Negeri ms22

Karnival SSM Bersama Rakyat

Sempena
Ulang Tahun
SSM ke -10

10
2002 - 2012

PAGOH 3 Mac - Lebih 5,000 orang mengunjungi Karnival Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bersama Rakyat di Kompleks Sukan Pagoh, di sini hari ini. Karnival sehari bersempena ulang tahun ke-10 SSM itu dirasmikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga merupakan Ahli Parlimen Pagoh.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob. Karnival yang julung kali diadakan itu bertujuan mendekatkan orang ramai dengan SSM melalui peranan dan perkhidmatan yang disediakan serta menghargai masyarakat yang sentiasa menyokong agensi kerajaan itu selama ini.

Selain itu, karnival tersebut bertujuan membawa SSM turun padang kepada rakyat selain mempromosikan lagi nama agensi kerajaan tersebut. Kemeriahannya jelas dirasai apabila pengunjung mula membanjiri tapak karnival bersama ahli keluarga masing-masing seawal pukul 8 pagi.



ia melibatkan pelbagai program antaranya Taklimat Pemerbadanan Syarikat, Pendaftaran Perniagaan Dan Skim Kepentingan SSM serta Pameran agensi-agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK). Selain gerai pameran, pengunjung turut disajikan dengan sukan rakyat bersama penduduk tempatan selain penglibatan kanak-kanak tabika dalam acara sukaneka, pertandingan mewarna serta bercerita.

Orang ramai juga dihiburkan oleh persembahan kebudayaan dan artis jemputan serta perlawanan persahabatan bola sepak. Turut diadakan taklimat kerjaya, acara cabutan bertuah, klinik bola sepak bersama bekas pemain bola sepak kebangsaan, Azman Adnan dan pertandingan kuiz di gerai pameran yang dikendalikan oleh agensi kerajaan lain dan syarikat swasta.

Cabutan tiket bertuah kepada pengunjung turut menarik perhatian pengunjung dengan cabutan tiket bertuah kepada pengunjung turut menarik perhatian dengan tawaran pelbagai hadiah menarik, SSM telah memberikan penghargaan kepada Perniagaan pertamayang berdaftar dengan SSM dan ianya masih aktif sehingga sekarang. Selain itu, turut diberi penghargaan kepada syarikat pertama yang diperbadankan dengan SSM.



南洋商报 2012年3月4日 星期日

慕尤丁：推出多项措施

经商环境排名可上升

(南洋商报记者) 前首相慕尤丁指出，政府的设定目标，是在第十七大马计划结束前，使我国的经商环境在全世界排名提升至第18名，比去年进步5名。

慕尤丁说，获得公私部门的配合下，推出多项措施，使经商环境在短时间内提升至第18名，比去年进步5名。

慕尤丁说，获得公私部门的配合下，推出多项措施，使经商环境在短时间内提升至第18名，比去年进步5名。

慕尤丁说，获得公私部门的配合下，推出多项措施，使经商环境在短时间内提升至第18名，比去年进步5名。



慕尤丁：打造更竞争力环境

将拟定全新公司法令

(南洋商报记者) 据南相丹斯里西马来西亚公司委员会(SMC) 将拟定全新的公司法令，以便适合未来的需要。打理更具包容性及竞争力的商业环境。

他说，除了拟定新法令，马来西亚公司委员会也将简化财务服务系统，所有公司必须获得有关系统所设置的更多便利，以及财务报告。

他今日上午在麻坡出席由南部地区公司委员会副主席拿督斯里莫哈末沙比利、副部长拿督阿兹连·柔素威迪及国内贸易委员会主席阿都拉·波庭长的革新活动时说，截至目前为止，南相丹斯里西马来西亚公司委员会在幕年时说，重立至12年的南相丹斯里西马来西亚公司委员会的许多革新有助于提升服务，诚安南等人。

16 4 Mac 2012

4 Mac 2012

SSM bakal perkenal Akta Syarikat baru



Dalam Negeri



BEBERAPA pelajar kolej komuniti mendaftar sebagai pemilih di gerai SPR sempena Karnival SSM di Kompleks Sultan Pahang, Muar, semalam.

Disamping itu juga, SSM turut memberikan sumbangan kepada 10 buah keluarga terpilih yang terdiri daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

MARCH 4, 2012

NEW SUNDAY TIMES PAGE 33

Advertisor

SSM's new ways to cut red tape

TWO THUMBS UP: DPM lauds commission's efforts in facilitating business start-ups

SM BAKIRI
AND AMIRAH OTMAN
FOR
KOMISI

Metro

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Yusof Yassin

"Pada masa sama, SSM akan memperkenalkan Sistem Extensible Business Reporting Language (XBRL) yang bertujuan memudahkan penyediaan laporan kewangan berdasarkan piawaian perakaunan sejagat."

>Tan Sri Muhyiddin Yassin

Yusof Yassin</p

"ACHIEVING CORPORATE INTEGRITY"



PELANCARAN SSM BEST BUSINESS PRACTICE CIRCULAR

KUALA LUMPUR, 27 Januari 2012 - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini mengadakan majlis pelancaran Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik SSM yang ke-tiga dikenali sebagai "SSM Best Business Practice Circular 3/2012" bertajuk "Achieving Corporate "Integrity" yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di Auditorium Tun Dr Siti Hasmah, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dihadiri oleh lebih kurang 300 jemputan yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan agensi-agensi di bawahnya, ahli-ahli badan profesional, wakil-wakil persatuan dan pengusaha perniagaan kecil dan sederhana.

Membanteras rasuah merupakan salah satu daripada Agenda utama Kerajaan dan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah diwujudkan pada tahun 2004 untuk memudahkan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN). Untuk membantu pelaksanaan PIN, SSM telah bertindak sebagai Sekretariat untuk membangunkan 'blueprint' agenda integriti bagi institusi ekonomi melalui Jawatankuasa dan beberapa kumpulan kerja yang terdiri daripada ahli-ahli korporat, badan-badan profesional dan pertubuhan industri di bawah teraju KPDKKK pada masa itu. Hasilnya, telah diterbitkan oleh pihak IIM dengan tajuk "Business Ethics : Towards Enhancing Corporate Integrity and Business Ethics: A Practical Guide for Malaysian Companies."

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menaik taraf Badan Pencegah Rasuah

kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2009.

Di bawah Pelan Transformasi Kerajaan yang diperkenalkan pada 28 Januari 2010 pula, Kerajaan beraspirasikan untuk mengurangkan gejala rasuah di dalam negara dengan mengambil inisiatif spesifik melalui 'National Key Result Areas' (NKRAs) untuk membendung gejala rasuah. Selain itu, usaha mengenalpasti kedudukan Negara juga dijalankan melalui survei yang dilakukan oleh *Corruption Perception Index* (CPI), Transparency International dan *Global Corruption Barometer*.

Dalam mendukung aspirasi Kerajaan menentang gejala rasuah, SSM telah memulakan inisiatif membangunkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik bertajuk "Achieving Corporate Integrity" dengan kerjasama anggota Meja Bulat "Integriti Korporat" yang terdiri daripada SSM, Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU), Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasaran NKRA Rasuah, Transparency International Malaysia (TI), Bursa Malaysia Securities Berhad dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Penerbitan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik SSM kali ini adalah merupakan kesinambungan daripada pengenalan Ikrar Integriti Korporat atau *Corporate Integrity Pledge* (CIP) oleh PEMANDU pada Mac 2011 dan juga merupakan satu usaha untuk menggalakkan penggunaan *Corporate Integrity Assessment and Questionnaire* (CIAQ) yang dibangunkan oleh pihak IIM.

CIP membolehkan syarikat dan perniagaan di Malaysia membuat

pengisyntihsaran unilateral untuk tidak terbabit dengan rasuah dan melaksanakan Prinsip Anti Rasuah ini melalui penghayatan lima prinsip utama iaitu menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik serta pengukuhan sistem kawalan dalaman yang boleh menyokong usaha pencegahan rasuah secara berkesan. Penerbitan SSM kali ini juga merupakan satu garis panduan yang boleh digunakan oleh syarikat dan perniagaan untuk mempertingkatkan dan memperbaiki integriti perniagaan mereka. Amalan integriti dan tadbir urus korporat terbaik harus diperaktikkan oleh syarikat dan perniagaan untuk membolehkan sebuah syarikat dan perniagaan terus mampan dan lebih berdaya saing di abad ke-21 ini. Integriti harus dihayati oleh setiap syarikat dan perniagaan agar ia menjadi sebatи dalam setiap organisasi.

Dalam menggalakkan komuniti korporat dan perniagaan untuk menghayati BBPC SSM 3/2012 ini, selaku pengawalselia syarikat dan perniagaan di Malaysia, SSM dapat memainkan peranan strategik dalam menyemai budaya integriti korporat di kalangan syarikat dan perniagaan di Malaysia kepada sejumlah 968,083 syarikat tempatan dan 4,417 syarikat asing serta 4,646,722 perniagaan yang berdaftar dengan SSM yang merupakan jumlah yang direkodkan setakat 31 Disember 2011.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** **& UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**



Satu majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) kerjasama strategik antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Univeristi Antarabangsa Islam Malaysia (UIAM) telah diadakan di Kampus Utama UIAM, Gombak, Kuala Lumpur pada 20 Mac 2012. Majlis tersebut juga telah dihadiri oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. SSM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, En. Mohd Naim Daruwish manakala UIAM diwakili oleh Rektor, Prof Dato' Sri Dr Zaleha Kamarudin. Majlis turut dihadiri Y Bhg Dato' Saripuddin Bin Kasim, Ketua Setiausaha KPDNKK merangkap Pengurus SSM.

Dalam ucaptamanya, YB Menteri mengalukan usaha kerjasama di antara badan kawalselia dan institusi akademik dengan menyatakan bahawa inisiatif ini berpotensi menjana idea, produk dan perkhidmatan yang berinovatif. Kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut akan membolehkan pakar akademik dan penuntut universiti berkenaan menyumbang secara langsung dalam pembangunan ekonomi dan negara. YB Menteri juga menyatakan keyakinan bahawa konsep dan idea-idea baru yang dihasilkan akan menjadi pemangkin ke arah memperkenalkan produk, perkhidmatan dan proses yang berinovatif. YB Menteri juga menasihati para pelajar UIAM agar belajar bersungguh-sungguh kerana mereka merupakan masa depan negara.

Majlis menandatangani MOU di antara SSM dan UIAM tersebut didahului dengan sesi interaksi antara Pengurusan Eksekutif SSM dan mahasiswa UIAM di mana mereka didekah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pindaan baru Akta Syarikat, pengenalan rangka kerja baru undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad dan peningkatan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang melibatkan Perbadanan 1 Hari dan MyCold.

Selain itu, para pelajar juga telah berpeluang untuk berdialog dengan Pengurusan Eksekutif SSM mengenai topik-topik tersebut.

Objektif menandatangani MOU antara SSM dan UIAM tersebut ialah:

- Membantu SSM melaksanakan mandatnya di bawah seksyen 17 Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (iaitu menggalakkan tadbir urus korporat yang baik kepada pihak yang berkepentingan dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan syarikat dan perniagaan);
- Membolehkan SSM meneroka dan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran UIAM dalam bidang Syariah di dalam penyelidikan dan aktiviti pembangunan yang dijalankan olehnya;
- Merapatkan jurang di antara industri (iaitu badan kawalselia) dan ahli akademik dalam memperkayakan pengalaman terhadap kedua-dua institusi.

Berdasarkan MOU tersebut, bidang utama kerjasama meliputi:

■ Penyelidikan dan Pembangunan Strategik

SSM dan UIAM akan meneroka hubungkait dan pertalian antara tadbir urus korporat dan prinsip-prinsip Syariah. Walaupun terdapat beberapa kajian perbandingan yang dibuat bertujuan ke arah mengenalpasti hubungan antara tadbir urus korporat dan Syariah, konsep dan kajian kurang dihebahkan di kalangan masyarakat. Pengenalpastian titik pertemuan antara prinsip-prinsip tadbir urus korporat konvensional dan Syariah akan membuka lembaran baru dan meluaskan dimensi sedia ada berhubung tadbir urus korporat. Selain daripada itu, SSM dan UIAM juga akan melihat potensi menerapkan prinsip-prinsip Syariah ke dalam kerangka undang-undang korporat. Idea ini diilhamkan berikutkan kejayaan dan pertumbuhan sistem perbankan dan kewangan Islam di negara ini

yang telah menyaksikan pengenalan kepada pelbagai produk perbankan dan kewangan yang bernilai berbilion ringgit. Gabungan di antara prinsip-prinsip Syariah yang berkaitan ke dalam kerangka korporat negara akan melengkapi inisiatif Pusat Kewangan Islam Malaysia (*Malaysia Islamic Financial Centre - MIFC*) Kerajaan dan membantu meletakkan negara sebagai hab halal.

■ Penempatan bersilang (*Cross fertilization*) latihan korporat dan aktiviti pembelajaran.

SSM akan memanfaatkan kepakaran pensyarah UIAM untuk memberikan syarahan teknikal berkala berhubung aspek dan isu-isu yang berkaitan dengan rangka kerja kawal selia korporat, khususnya Akta Syarikat 1965. Dalam masa yang sama, SSM akan menghantar pegawai-pegawaiannya untuk menyampaikan ceramah ke arah mendedahkan pelajar dan pensyarah UIAM pada realiti dan aspek-aspek praktikal tadbir urus korporat, amalan kawal selia korporat dan isu-isu yang dihadapi oleh industri.

■ Penyertaan UIAM sebagai ahli Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kurikulum Akademi Latihan SSM (*SSM Training Academy Working Committee for Curriculum Development*) di dalam menasihati pembangunan modul program latihan korporat yang dijalankan oleh Akademi Latihan SSM; dan

■ Menjalankan program latihan korporat secara kerjasama untuk pengarah, setiausaha syarikat dan usahawan.



PENGENALAN ANGGOTA

SURUHANJAYA
SYARIKAT
MALAYSIA 2012

PENGERUSI YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim



YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim telah dilantik sebagai Pengerusi SSM pada 16 Januari 2012. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya, dan juga Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Korporat) daripada University of Hartford di Connecticut, Amerika Syarikat. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1982 sebagai Penolong Pengarah di Unit Pemindahan Teknologi di Kementerian Perdagangan dan Industri.

Beliau kemudiannya telah berkhidmat di pelbagai kementerian dan jabatan, seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dato' Saripuddin juga pernah ditempatkan di Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun sebagai Penasihat Kedutaan dan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom sebagai Atase (Pendidikan dan Latihan). Beliau merupakan Ketua Pengarah di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 26 Disember 2011. Dato' Saripuddin merupakan Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Amanah Raya Trustees Berhad, Amanah Raya Hartanah Sdn. Bhd. dan Amanah Raya Berhad.

ANGGOTA SURUHANJAYA YBhg. Datuk Idrus bin Harun



YBhg. Datuk Idrus bin Harun telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada April 2002. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Undang-Undang pada tahun 1980 dan selepas itu telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan penting termasuk Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Terengganu, Peguam Kanan Persekutuan di Badan Pencegah Rasuah dan Penasihat Undang-ndang Suruhanjaya Pilihanraya. Beliau merupakan Pendaftar Syarikat pada tahun 1998 sehingga 2002. Beliau meneruskan perkhidmatannya di Jabatan Peguam Negara sebagai Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa dan sebagai Penggubal Undang-Undang Parlimen sebelum memegang jawatan terkini sebagai Peguamcara Negara. Datuk Idrus juga pernah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Suruhanjaya Sekuriti dan Jawatankuasa Pelaburan Asing. Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Kerjasama Malaysia-Thailand (MTJA) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

ANGGOTA SURUHANJAYA YBhg. Datin Rozaina binti Zainuddin



YBhg. Datin Rozaina binti Zainuddin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 25 Ogos 2009. Beliau memulakan kerjayanya di dalam perkhidmatan awam di Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia pada tahun 1981 dan seterusnya berkhidmat di pelbagai jabatan kerajaan termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Datin Rozaina kini merupakan Pemangku Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan di Kementerian Kewangan Malaysia.

ANGGOTA SURUHANJAYA

YB Datuk Hj. Sapawi bin Hj. Ahmad



YB Datuk Hj. Sapawi bin Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuatkuasa pada 20 Julai 2009. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Sejarah) (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum penglibatan dalam bidang politik, Datuk Hj. Sapawi telah berkhidmat dalam bidang pendidikan selama hampir 20 tahun sebelum dilantik sebagai Pengarah Biro Tatanegara (Cawangan Sabah). Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah serta Pengerusi Majlis Bahasa dan Sastera Sabah. Datuk Hj. Sapawi merupakan Ahli Parlimen Sipitang, Ketua UMNO Sipitang, serta Ketua Penerangan UMNO Negeri Sabah.

ANGGOTA SURUHANJAYA

Prof. Dr. Aishah binti Bidin



Dr. Aishah binti Bidin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2011. Beliau adalah seorang profesor undang-undang korporat dan insolvensi dan sekarang ini merupakan Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau adalah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, regulasi sekuriti, bankrups dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian bermula pada tahun 1989, dan antara bidang lain yang menjadi tumpuan beliau adalah regulasi alam sekitar dan korporat. Dr. Aishah menerima ijazah sarjana muda LLB (Hons) daripada universiti Malaya, ijazah Sarjana Undang-undang daripada *University of Kent* dan ijazah kedoktoran falsafah Undang-undang daripada *University of London*. Dr. Aishah pernah menjadi ahli *Malaysian Corporate Law Reform Committee* (CLRC). Beliau adalah Penasihat Undang-undang UKM Holdings, yang merupakan cabang korporat Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Panel Penasihat COMTRAC (Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Anggota Panel Penasihat MLTIC (Malaysian Legal and Tax Information Centre), anggota Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM.

ANGGOTA SURUHANJAYA

YBhg. Datuk Wira Syed Ali bin Syed Abbas Alhabshee



YBhg. Datuk Wira Syed Ali bin Syed Abbas Alhabshee telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2012. Beliau merupakan pemegang *Diploma in Leadership and Management* daripada *New Zealand Institute of Management, New Zealand*. Datuk Wira Syed Ali merupakan Pengerusi Tanjong Offshore Berhad dan UZMA Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd., sebuah syarikat berkaitan kerajaan. Di samping itu, beliau juga telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Tourism Malaysia. Datuk Wira Syed Ali merupakan Ketua UMNO Bahagian Cheras.

ANGGOTA SURUHANJAYA

YBhg. Datuk Jason Lau Beng Wei



YBhg. Datuk Jason Lau Beng Wei telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2012. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Kejuruteraan Elektrikal daripada Universiti Teknologi Malaysia, dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) daripada Universiti Putra Malaysia. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang telah berkecimpung dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, pembinaan, pelombongan arang, teknologi maklumat, telekomunikasi dan banyak lagi. Datuk Jason Lau merupakan Pengarah Royce Pharma Holdings, di samping dilantik sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif Discovery Mining and Renewable Energy Incorporated di Filipina. Beliau juga merupakan Ketua Eksekutif Varia Engineering & Services Sdn. Bhd.

ANGGOTA SURUHANJAYA

YBhg. Tuan Mohd Naim Daruwish



En. Mohd Naim Daruwish berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang Undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula pada April 1984 sebagai Pegawai Undang-Undang di Bank Pertanian Malaysia sebelum dilantik sebagai Majistret pada tahun 1985 dan seterusnya sebagai Majistret Kanan.

Beliau kemudiannya telah dilantik sebagai Pengurus dan seterusnya sebagai Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Kuala Lumpur. Antara jawatan yang pernah disandang beliau di KWSP ialah sebagai Pengurus Besar Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Undang-Undang dan Pengurus Besar Kanan Jabatan Caruman.

SELAMI HIDUP

Oleh MOHAMMAD ARIF NIZAM BIN ABDULLAH

SEBAGAI SETIAUSAHA

KEJAYAAN pengurusan masa seorang Pengarah Bahagian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sering dikait dengan peranan seorang setiausaha (PA). Bukan sahaja dari segi ketelitian menguruskan jadual, malah sikap dalam menjaga kerahsiaan dan hal peribadi majikan juga menjadi keutamaan setiausaha.



Dalam kata lain, setiausaha perlu amanah dalam kerja mereka. Ini kerana kelancaran kerja sesebuah bahagian bergantung kepada pengurusan cekap setiausaha. Secara tidak langsung, setiausaha mampu menjadi sumber inspirasi kepada sesebuah bahagian dalam melahirkan suasana kerja yang positif. Dalam pada itu juga, seorang setiausaha perlu menjaga penampilan agar lebih ceria dan mudah didekati termasuk cara solekan, pakaian dan berkomunikasi.

Menurut seorang setiausaha, Nurshazlin Sabarudin, dia mengamalkan peranan dan

amalan yang penting iaitu seseorang setiausaha perlulah bersikap setia kepada organisasi dan ketuanya dalam aspek menjalankan tugas yang diamanahkan. Dia yang merupakan setiausaha kepada Puan Nor Azimah binti Abdul Aziz, Pengarah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat berkata, seorang setiausaha wajib menjaga rahsia majikan dan juga hal ehwal majikannya.

Walaupun timbul tekanan kerana berlakunya lebihan kerja yang mendesak, setiausaha perlu memikul tanggungjawab tersebut. Oleh itu, setiausaha perlu pandai mengatur masa. "Selain itu, setiausaha perlu tegas supaya tiada kecualian dan kebocoran dalam maklumat penting dan rahsia dalam dokumen," katanya yang berpengalaman menjadi setiausaha di SSM selama dua tahun lebih.

Menurut wanita berusia 25 tahun ini, setiausaha juga perlu sensitif kepada persekitaran ketua dan organisasinya sebelum sebarang cadangan yang dikemukakan. Bagi pendapatnya, bekerja dengan majikan wanita lebih mudah kerana mereka saling memahami keperluan. Bahkan, setiausaha wanita dapat memahami majikan wanita dengan hanya membaca bahasa tubuh badan.

"Bekerja dengan bos wanita, saya masih boleh berbincang antara kami

mengenai topik kaum wanita selain bos wanita juga tetap berjiwa lembut dalam menangani sesuatu isu. Tapi kalau dengan bos lelaki, perbualan terhad kepada kerja sahaja dan agak sedikit tegas di pejabat," katanya tersenyum. Menurut Nurshazlin, pada era ini kerjaya setiausaha lebih mencabar kerana dari sudut psikologi, peranan setiausaha sentiasa berubah manakala cara pemakaian pula membina perasaan yang baik di kalangan pekerja lain. Setiausaha perlu kemas dan gaya pakaian tidak boleh terlalu menonjol. Tidak semestinya perlu mengenakan kot dan memilih warna gelap. Kriteria pakaian penting untuk menceriakan suasana.

"Setiausaha boleh memilih pakaian yang bersifat kewanitaan dengan memilih warna yang ceria," katanya yang merupakan lulusan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis.

"Setiausaha perlu amanah dalam kerja mereka"

Puan Nurshazlin Sabarudin
Setiausaha





SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

PENGENALAN PEKERJA BARU

(Kemasukan dari bulan Februari 2012 - Mei 2012)



MOHD AZFAR BIN BASIR ALI
GRED 50
EKSEKUTIF
BAHAGIAN SIASATAN

KHAIRULSHAM BIN JANTAN
GRED 50
EKSEKUTIF
BAHAGIAN SIASATAN



MUHAMMAD HAFIZ BIN AHMAD ZAHARI
GRED 50
EKSEKUTIF
PEJABAT NEGERI PULAU PINANG

MOHD FAIRUS BIN SHAHID
GRED 50
EKSEKUTIF
SEKSYEN ADUAN



MAWARDI BIN ISMAIL
GRED 50
EKSEKUTIF
BAHAGIAN PEMATUHAN

MUHAMMAD HANAFI BIN HANAFI
GRED 47
PEMBANTU TADBIR
SSM SELANGOR



MUHAMMAD KHAIRUL BIN ASRAFI
GRED 47
PEMBANTU TADBIR
CAWANGAN MUAR

MOHD FAIZ BIN ALIAS
GRED 47
PEMBANTU TADBIR
SSM TERENGGANU



MOHD FAIZUL NAIM BIN CHE NOOR AZAM
GRED 47
PEMBANTU TADBIR
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
PENDAFTARAN

MUHAMAD YAZID BIN NORDIN
GRED 47
PEMBANTU TADBIR
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT



PESARAAN PEKERJA SSM

(Persaraan dari bulan Januari 2012 - Mei 2012)



OTHMAN BIN A.MANAN
GRED 48
PEMBANTU TADBIR
IBU PEJABAT

ANUAR BIN SHAMAD
GRED 53
EKSEKUTIF
SSM SARAWAK



AZMI BIN ZAKARIA
GRED 48
PEMBANTU TADBIR
SSM PAHANG



ALAMAK TIPAH TERIPU!!!

APA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG "SKIM KEPENTINGAN" BAGI MENGETAHUI DAN MENGELAKKAN ANDA DITIPU ATAU DITINDAS

KEPERLUAN PERKONGSIAN MAKLUMAT

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati keperluan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan 'skim kepentingan' lanjuran daripada laporan akhbar berhubung kes skim "*land banking*" yang disyaki mempunyai unsur penipuan membabitkan pelaburan jutaan ringgit. Ini adalah bagi membantu anda membuat keputusan yang lebih tepat sebelum memutuskan untuk melabur dalam skim kepentingan seumpama ini.

APA ITU SKIM KEPENTINGAN?

"Skim kepentingan" secara amnya adalah satu kaedah mendapatkan dana daripada orang ramai bagi membiayai aktiviti perniagaan sesebuah syarikat. Orang ramai yang menyertai skim seperti ini dijanjikan keuntungan tertentu, berbentuk wang, faedah atau kemudahan melalui skim yang disertai.

Skim kepentingan ditadbir oleh SSM di bawah peruntukan seksyen 84-97 Akta Syarikat 1965. Berikut adalah ciri-ciri skim kepentingan:

- Peserta dikehendaki membuat bayaran kepada syarikat, sama ada secara tunai; atau sebagainya untuk menyertai skim,
- Peserta bukan merupakan pemegang syer dalam syarikat
- Peserta tidak terlibat dalam pengurusan seharian skim; dan
- Peserta mempunyai kepentingan dalam perniagaan atau skins yang ditawarkan.

Selain itu, skim kepentingan juga memenuhi salah satu kriteria berikut:

- Peserta mempunyai kepentingan dalam keuntungan, aset atau realisasi di dalam mana-mana perniagaan skim di Malaysia atau sebaliknya

- Peserta dipengaruhi untuk mengharapkan keuntungan sewa atau faedah daripada skim yang disertai
- Peserta mempunyai hak atau kepentingan di dalam harta termasuk hak untuk menggunakan kemudahan ke aras harta tersebut untuk tempoh melebihi 12 bulan
- Peserta berhak untuk menggunakan kemudahan percutian melebihi 2 kali dalam tempoh penyertaan di dalam skim kongsi masa

CONTOH-CONTOH SKIM KEPENTINGAN

Berikut adalah contoh-contoh skim kepentingan:

- Tawaran keahlian melebihi 12 bulan bagi kelab golf, kelab rekreasi dan kelab kesihatan
- Tawaran menjadi ahli skim kongsi masa
- Tawaran untuk melabuh dalam skim pertanian dan skim ternakan ikan air tawar bagi tujuan perdagangan. Skim ini juga dikenali sebagai skim kongsi tani atau skim plot penanaman
- Tawaran untuk melabur dalam binatang ternakan (contohnya burung unta, kuda, lintah, cacing, lembu, kambing, ikan sembilang dan burung layang-layang) bagi tujuan perdagangan
- Tawaran untuk melabur di dalam perniagaan tertentu di mana pelabur tidak terlibat dalam pengurusan harian perniagaan
- Tawaran untuk membeli tapak perkuburan, balang abu dan tempat penyimpanan balang abu daripada taman memorial
- Tawaran untuk membeli kepentingan dalam tanah "greenbelt" di mana pembeli menjangkakan keuntungan daripada penjualan tanah usaha syarikat / pihak ketiga untuk mendapat kelulusan menukar zon kegunaan tanah. Skim ini dikenali sebagai skim "*land banking*"

Semua skim kepentingan perlu mendapat kelulusan daripada SSM

Setiap skim kepentingan perlu mendapat kelulusan pendaftaran daripada SSM terlebih dahulu sebelum ditawarkan kepada orang ramai. Ia juga perlu mematuhi garis panduan dan kehendak yang ditetapkan oleh SSM dari masa ke semasa.

SEMAK DULU SEBELUM MELABUR

Sebelum membuat sebarang pelaburan, adalah penting untuk anda berwaspada dan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga. Jangan terburu-buru membuat keputusan.

Di samping memastikan skim kepentingan telah berdaftar dengan SSM, pastikan juga bahawa:

- Pengendali skim adalah sebuah syarikat berhad. Tawaran penyertaan disertakan dengan prospektus yang menerangkan tentang butir-butir lengkap skim tersebut
- Adanya surat ikatan amanah
- Adanya pihak yang berperanan sebagai pemegang amanah



JANGAN TERPEDAYA

DENGAN PROMOSI SKIM KEPENTINGAN YANG TIDAK SAH BERDASARKAN:

- Satu promosi atau perjumpaan di tempat yang mewah
- Surat sokongan daripada orang-orang berpengaruh atau ternama
- Kata-kata manis dan janji keuntungan tinggi dalam tempoh singkat oleh pihak pengajur skim
- Kemudahan pinjaman untuk skim kepentingan
- Semak dahulu dengan SSM sebelum anda membuat pelaburan!

Untuk maklumat lanjut tentang skim kepentingan, layari laman sesawang SSM atau hubungi talian hotline SSM

**www.ssm.com.my
03-2299 5500**



www.facebook.com/ssmofficialpage



www.twitter.com/ssmofficialpage



www.youtube.com/ssmofficialpage



www.flickr.com/ssmofficialpage

SSM MEMPERKENALKAN

PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

SEBAGAI WADAH PERNIAGAAN BAHARU

LLP

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memperkenalkan satu wadah perniagaan baharu yang dikenali sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) atau dikenali sebagai *Limited Liability Partnership* (LLP) sebagai alternatif kepada para peniaga untuk melakukan perniagaan. PLT ini telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Disember 2011.

Melalui pengenalan PLT ini, orang ramai akan mendapat lebih banyak pilihan untuk menjalankan perniagaan yang tidak hanya tertumpu kepada bentuk perniagaan bercorak tradisional seperti penubuhan syarikat, milikan tunggal, perkongsian atau firma perkongsian.

PLT menggabungkan kriteria sesebuah syarikat dan firma perniagaan yang memberikan perlindungan terhadap liabiliti terhad kepada ahli-ahli dan urusan dalam yang lebih fleksibel.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Mohd Naim Daruwish berkata, inisiatif yang dilaksanakan oleh SSM ini menjadikan negara lebih kompetitif dalam menghadapi era globalisasi yang sejarah dengan kehendak kerajaan ke arah memendekkan prosedur, mengurangkan kos pentadbiran dan permintaan pematuhan untuk memudahkan urusan perniagaan golongan komuniti perniagaan.

“Inilah masanya komuniti perniagaan diberi pilihan untuk menggunakan wadah perniagaan yang lebih fleksibel dari segi penubuhan, pelaksanaan, pematuhan dan penggulungannya”.

“Pengenalan PLT bagi tujuan melengkapai pilihan tradisi bentuk perniagaan sedia ada seperti pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat hendaklah dianggap sebagai memberikan golongan peniaga dan pelabur kelonggaran dan kebebasan untuk memilih model perniagaan yang terbaik yang menepati keperluan mereka berdasarkan kriteria komersil. Konsep PLT ini akan menyokong perniagaan baru, kecil dan sederhana (SMEs) dan golongan profesional pula memperkembangkan perniagaan mereka tanpa perlu rasa bimbang terhadap liabiliti dan aset peribadi serta permintaan pematuhan,” katanya.

Mohd Naim juga menekankan bahawa PLT telah diperkenalkan di pelbagai negara seperti United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan India sebagai pilihan kepada wadah perniagaan. Sehingga Disember 2011, sebanyak 972,500 syarikat dan 4,646,722 perniagaan serta firma berdaftar dengan SSM. Dengan memperkenalkan PLT ini dijangka menarik minat golongan daripada firma profesional seperti akauntan, juruaudit dan peguam untuk beralih kepada PLT.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai berkaitan wadah perniagaan yang baharu ini, SSM akan mengadakan pelbagai program kesedaran dalam tempoh masa 6 bulan akan datang sehingga tarikh berkuatkuasa diumumkan untuk implementasi yang dijangka pada pertengahan bulan Jun 2012.

K

Kedinginan pagi Ahad pada 19 Februari 2012 bersama titisan hujan mengiringi perjalanan peserta Kursus Induksi SSM 2012 seramai 49 orang ke Pusat Jagaan Baitul Mahabah, Tanjung Malim, Perak dan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Darul Aitam (Busarah), Temoh, Perak.

Dibahagikan kepada dua kumpulan, perjalanan dari Felda Residence Trolak ke destinasi tersebut mengambil masa hampir satu jam demi merealisasikan tugas murni sesama insani.

Bagi kami yang berkunjung ke Pusat Jagaan Baitul Mahabah, Tanjung Malim, kedatangan peserta disambut begitu mesra oleh pengetua, Ustaz Hazan dan keluarga besarnya lantas menerbit rasa penuh terharu bagi membentuk satu jalinan ukhwah.

Sempat kami memerhati dari luar rumah dua tingkat yang tersergam indah itu, pastinya tersembunyi 1001 kisah yang didiami setiap penghuninya. Lantas kesempatan bersama mereka, waktu digunakan untuk menelusuri dan berkongsi suka duka dengan 18 orang kanak-kanak yang berusia antara 3 hingga 12 tahun yang pastinya mendambakan perhatian dan kasih sayang.

Mungkin pada awalnya, keadaan janggal dan kekok membelenggu suasana lantaran kanak-kanak lelaki ini terpaksa berdepan dengan barisan peserta dan urusetia wanita. Namun, anak-anak kecil mula menunjukkan kemesraan, personaliti dan minat melalui sesi ‘ice breaking’ yang dijalankan.

Sungguh menyentuh jiwa dan mengusik emosi tatkala anak-anak kecil berkongsi cerita suka duka, impian dan cita-cita murni mereka. Selain itu, kebanyakan anak-anak kecil ini mempunyai bakat dalam bidang muzik. Tambahan pula, Ustaz Hazan mengajar anak-anak kecil ini mendendangkan alunan nasyid dan alat muzik seperti kompong, bonggo, conga, yankee dan shaker.

Dalam pada itu, suasana redup dan dingin tidak sesekali menghalang peserta lelaki yang tetap bersemangat mencurah tenaga dan menyumbang bakti untuk keselesaan penghuni. Peserta lelaki dibahagikan kepada tiga kumpulan kecil dengan tugas yang telah ditetapkan. Kumpulan pertama bertanggungjawab untuk kerja-kerja mengecat beberapa kawasan di Pusat Jagaan Baitul Mahabah.

Kumpulan kedua bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembersihan di dalam dan persekitaran rumah manakala kumpulan ketiga bertanggungjawab untuk kerja-kerja membaki

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

KISAH HIDUP

Oleh IZI RAHAIZAD ABDUL SHUKUR & INTAN DAHLIA AHMAD KAMAL

struktur rumah bersama kontraktor yang telah dilantik. Antara tugas lain termasuklah kerja-kerja baik pulih longkang, menyusun atur kedudukan pasu bunga dan pembersihan najis arnab di bahagian dalam rumah.

Bagi jamuan makan tengahari, peserta wanita telah menyediakan hidangan makanan dan melayan anak-anak kecil ini menjamu selera. Sesungguhnya tiada kata yang dapat dizahirkan tatkala melihat anak-anak ini begitu berselera dan gembira menikmati hidangan yang disediakan.

Selepas waktu Zohor, peserta wanita meneruskan aktiviti dengan sesi membaca bersama kanak-kanak kurang bernasib baik itu manakala, peserta lelaki masih bertenaga menyelesaikan setiap tugas yang diamanahkan.

Sekitar jam 3.45 petang, kesemua peserta, urusetia dan penghuni Pusat Jagaan Baitul Mahabah berkumpul di ruang tamu untuk sesi penutup. Majlis penutup dimulakan dengan ucapan oleh Encik Farid bin Ahmad dan diikuti oleh Ustaz Hazan. Seterusnya, majlis penyampaian sumbangan wang daripada pihak SSM kepada Pusat Jagaan Baitul Mahabah telah diadakan.

Selain itu, setiap anak-anak di pusat jagaan ini turut menerima sumbangan barang-barang keperluan penjagaan diri oleh pihak SSM. Jelas terpancar sinar keceriaan pada raut wajah anak-anak yang menerima sumbangan tersebut. Majlis penutup diserikan lagi dengan persembahan nasyid oleh penghuni Pusat Jagaan Baitul Mahabah. Para peserta dan urusetia sangat teruja dan kagum dengan persembahan serta bakat yang dimiliki oleh anak-anak ini. Persembahan nasyid tersebut sangat menarik dan mesej yang disampaikan melalui nasyid dapat diterima oleh pendengar.

Sesungguhnya, setiap yang bermula pasti akan berakhir. Begitu juga dengan aktiviti tanggungjawab sosial Kursus Induksi SSM 2012. Sekitar jam 5.00 petang, sebelum melangkah kaki meninggalkan Pusat Jagaan Baitul Mahabah, para peserta, urusetia dan seluruh penghuni mengambil peluang bergambar bersama sebagai kenang-kenangan.

Selepas menghabiskan masa bersama, perasaan sedih dan hiba membalut sanubari kami saat kaki melangkah pergi meninggalkan Pusat Jagaan Baitul Mahabah. Titisan air mata yang mengalir mengenangkan kisah suka duka anak-anak kecil ini dan pengalaman bersama mereka pastinya menjadi kenangan terindah dalam lipatan memori setiap peserta dan urusetia.

Akhir kata, diharapkan pihak SSM akan memperbanyakkan pengajuran aktiviti tanggungjawab sosial di masa akan datang dalam memastikan kesinambungan jalinan hubungan antara organisasi dan masyarakat bagi mengekalkan persekitaran hidup yang aman harmoni.



PROGRAM KURSUS INDUKSI 2012

Oleh MOHAMMAD ARIF NIZAM BIN ABDULLAH

MENAMATKAN Kursus Induksi SSM 2012 pada bulan Februari lalu meninggalkan pelbagai rasa terutama di kalangan peserta yang terlibat. Rasa yang terbit berbaur-baur, antara lega dan sedih. Lega kerana jadual kursus yang padat bermula pukul 5.30 pagi dan tamat lewat malam sudah berakhir. Bertambah lega apabila dapat kembali kepada kehidupan asal seperti menonton televisyen terutamanya program bola sepak English Premier League dan membaca suratkhabar serta melayari internet untuk mengetahui apa yang berlaku di dalam dan luar negara. Namun hati kecil ini tidak dapat menipu diri sendiri kerana ada semacam rasa rindu untuk melepaskan momen indah dilalui di Trolak, Perak yang dianggap sangat berharga dalam kerjaya semua peserta.

Terus-terang pengalaman selama 13 hari 12 malam cukup memberikan sesuatu pengalaman yang manis dan berharga untuk diri penulis. Hampir dua minggu bersama, hubungan kami bagaikan satu keluarga dan tentunya perasaan sedih hadir apabila tiba masa untuk berpisah. Apatah lagi dipilih menjadi komander kursus induksi yang pertama kali menggabungkan pekerja eksekutif dan bukan eksekutif seramai 49 orang, segala beban dan tekanan yang dilalui, kini hanya tinggal memori semalam. Sampai hari ini, saya akan tersenyum-seorang diri apabila teringat gelagat anak buah yang bermacam ragam. Hendak pula mendapat anak buah di kalangan bukan eksekutif yang purata umur antara 23 hingga 25 tahun dan memiliki karektor ‘sentiasa riang ria’ serta cukup aktif bila membabitkan aktiviti riadah. Memang kelakar bila ada yang turun perbarisan pagi pukul 5.30 pagi dengan muka tak basuh dan rambut serabai bangun tidur, yang rajin berlatih buat yell bersungguh-sungguh depan cermin bilik tapi waktu atas pentas suara tak keluar pula, yang merokok dalam perbarisan (kan dah kena denda), yang selamba tidur ketika sesi ceramah dan macam-macam lagi selain ada juga yang jatuh cinta pandang pertama dan menaruh hati di dalam diam. Begitulah gelagat penuh warna-warni peserta kursus induksi. Lebih mencuit hati, apabila dipaksa untuk menjadi pengacara majlis bagi setiap sesi ceramah, lagi banyak benda-benda kelakar yang terjadi.

Sungai Kampar, Gua Tempurung dan rumah anak yatim
Menyelak kembali nostalgia kursus itu, telefon bilik saya akan mula berdering seawal jam 5 pagi. “Komander, you dah bangun ke? / pergi kejut budak-budak dulu ya. Nanti u kejut second round,” itulah suara timbalan komander, Zarith Aina Zainuddin yang muncul kedengaran bagi memecah keheningan pagi. Selepas itu, bermulalah aktiviti rutin kami mengetuk pintu bilik semua peserta sambil saya membunyikan trompet kuning untuk mengejutkan mereka semua. Namun, seperti biasa ada sahaja peserta yang datang lewat ke perbarisan pagi. Sudahnya, kami semua didenda sama ada melakukan lompat bintang atau tekan tubi.



Apa pun, dalam banyak aktiviti yang dilalui, pengalaman meneroka Gua Tempurung, berakit Sungai Kampar dan program tanggungjawab sosial di dua buah rumah anak yatim cukup meninggalkan kesan mendalam buat para peserta.



Bermula di Gua Tempurung, kami perlu memanjat sebanyak 640 anak tangga sambil ditemani beberapa lampu menghiasi kawasan gua. Seterusnya, kami perlu menempuh trek yang kotor dan basah sebelum panjat dan turun lereng gua yang ada ketikanya cukup curam. Dari sini, peserta perlu merangkak, menggelongsor, menyusur, meniarap di sungai dan menyusup ke dalam lubang-lubang kecil bagi meneruskan penerokaan ke tahap seterusnya. Kotor dan basah menjadi mainan sepanjang penerokaan bahagian terakhir gua ini. Hiruk-pikuk jeritan dan gurauan peserta memenuhi setiap ruang gua sesekali bergema mengiringi rentak kaki peserta. Berliah pula kepada aktiviti rakit di Sungai Kampar, arus sungai yang agak perlakan pada peringkat awal memberi peluang kepada kami untuk memahami cara pengemudian dan mendapatkan posisi yang betul di dalam rakit.

Tidak lama selepas itu, lambungan arus dirasakan semakin kasar bermain di bawah rakit membuatkan jantung peserta mula berdegup kencang. "Backpaddle, backpaddle, backpaddle," laungan kedengaran dari mulut pemandu yang mengemudi rakit kami. Namun perasaan gementar bertukar seronok apabila melihat sebuah demi sebuah rakit berjaya melepassi cabaran dan ada juga yang tersangkut. Kejayaan melepassi jatuh-jatuh jeram dengan menggunakan teknik yang diajar membuatkan kami menjerit kepuasan. Sementara itu, aktiviti berbentuk tanggungjawab sosial tidak terlepas menjadi kenangan istimewa buat kami semua. Berkunjung ke dua buah rumah anak yatim iaitu Pusat Jagaan Baitul Mahabah, Tanjung Malim dan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Darul Aitam (Busarah), Temoh, ada satu kepuasan yang tidak mampu diucapkan dengan kata-kata. Dapat duduk beramah mesra dengan anak-anak yang tidak bernasih baik selain membantu apa yang termampu seperti membersih kawasan sekeliling dan mengecat bangunan ibarat melengkapkan pengalaman kursus yang begitu sempurna bagi semua peserta. Sesungguhnya, ketabahan anak-anak yatim ini meniti kehidupan cukup meruntun perasaan kami dan sudah pasti mereka begitu memerlukan kasih sayang, keprihatinan dan sokongan daripada golongan masyarakat.

Rindu semakin jauh

Lebih tiga bulan berlalu, sesekali saya masih merindui suasana kursus terutama ketika bekerjasama menjayakan tugas-tugas yang diberikan. Malah momen yang benar-benar berbekas di hati apabila menjayakan malam penutup kursus. Antara percaya dengan tidak, dengan tempoh masa lebih kurang dua jam sahaja, kami perlu menyiapkan dewan, menyediakan pelbagai menu masakan selain membuat persembahan. Saya sendiri tidak boleh menggambarkan apa yang akan terjadi jika semua peserta tidak sehati dan sejiwa untuk menyelesaikan tugas-tugas tersebut. Untuk itu, di atas kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua peserta Kursus Induksi SSM 2012 yang memberi komitmen di luar jangkaan. Tidak lupa juga kepada barisan fasilitator yang menyediakan aktiviti-aktiviti bermanfaat dan memberi bantuan sepanjang kursus berlangsung. Menutup bicara, saya percaya rindu terhadap kenangan kursus induksi semakin jauh di kalangan peserta dek kerana kesibukan kerja dan hal keluarga. Kepada teman-teman tersayang, semoga terus berjaya dalam kerjaya yang diceburi dan menemui kebahagiaan dalam hidup.

Semoga nilai persahabatan kita terus terjalin walaupun terpisah jauh. Terima kasih di atas segalanya dan jasa anda semua akan terus dikenang sampai bila-bila.

PERISTIWA BERGAMBAR

LAWATAN KE RUMAH KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM DARUL AITAM, 19 FEB 2012



KARNIVAL SSM BERSAMA RAKYAT PAGOH DAN ULANGTAHUN SSM KE 10, 3 MAC 2012



PAMERAN RTC GOPENG, PERAK, 16 - 19 FEB 2012



MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN SSM-UIA, 20 MAC 2012



PERARAKAN DAN PERHIMPUNAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W. PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012, 5 FEBRUARI 2012



KEJOHANAN TERTUTUP TENPIN BOLING KELAB KEBAJIKAN & SUKAN SSM 2012, 7 APRIL 2012



PEMBERITAHUAN

Kepada pelanggan yang dihormati,

Dimaklumkan bahawa perkhidmatan Kaunter Pendaftaran Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Majlis Perbandaran Selayang (MPS) akan ditamatkan mulai 1 April 2012 dan di premis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), menara II akan ditamatkan mulai 1 Mei 2012.

Sehubungan itu, tuan/puan boleh berurusan di pejabat – pejabat SSM yang berdekatan iaitu di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur Sentral; Tingkat 16 Sunway Putra Mall, Kuala Lumpur dan di pejabat SSM Negeri Selangor di Tingkat 3 Plaza Alam Sentral, Shah

Tuan/puan juga boleh membuat urusan pembaharuan sijil pendaftaran perniagaan di semua pejabat Bank Simpanan Nasional (BSN).

Sila hubungi talian 03-22995500 sekiranya ada sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
TARIKH: 14 FEBRUARI 2012

AKTIVITI PENDAKIAN GUNUNG KINABALU

Sajak Semangat Kinabalu & gambar pendakian Gunung Kinabalu oleh Selamat, Izwar & Faiz:

Semangat Kinabalu Di Gerbangmu semangat berkobar-kobar..
Ku atur langkah demi langkah tetap membara..
KM pertama sudah ku lelah nafas kuda..
Di KM kedua sesal tak sudah..
hhmm..
Kata ku ini yg pertama dan yg terakhir..
KM ketiga keluh kesah..
mampukah aku..
KM 4 mereka boleh..
aku mesti boleh..
Di Gunting Lagadan...
indah tak terkata..
Subhanallah..
hilang semua keluh resah..
Dalam kedinginan mencengkam sum-sum..
Tidak sabar menggapai puncak mu..
Ku daki lagi dlm kegelapan..
Bertemankan suluh dan kudrat yg ada..
Kini tak ku lihat flora dan fauna..
Suluh bergerak menghiasi kegelapan..
Seperti kunang-kunang terbang menuju puncak..

Ku teruskan lagi langkah demi langkah..
Melangkah seperti mengikat batu di kaki..
3 langkah berhenti..
mengumpul tenaga..
Semakin curam..
semakin dingin..
Berselindung di balik batu..
menunggu masa..
Oh..
itukah dia..
Tidak jauh dari pandangan mata..
Walau terhuyung-hayang..
Semakin kuat ku rasa..
Kinabalu rasa tak percaya ku jejakmu..
Hanya semangat melebihi tenaga..
Berat langkah meninggalkan mu..
Bukan berat seperti pendakian..
Tapi keindahan ciptaanNya memukau..
Pendakian itu semangat, jati diri dan nikmat..
Ku pasti mernduimu, ku pasti kembali..

Nukilan: Selamat Insurdin



Belum habis kopi secawan, syarikat anda selesai didaftarkan!

Pemerbadanan syarikat kini boleh dilakukan secara serentak dengan pelbagai agensi melalui sistem laluan Identiti Korporat Malaysia atau dikenali sebagai MyCoID.



Serentak dan automatik

Orang ramai melalui setiausaha syarikat boleh berbuat demikian dengan hanya mendaftar masuk ke laman portal MyCoID dan mengisi maklumat berkaitan pemerbadanan syarikat untuk disalurkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) secara serentak dan automatik.

Mudah dan menjimatkan

Sistem yang dilancarkan sejak tahun 2010 ini secara langsung akan menjimatkan masa dan kos serta memudahkan prosedur untuk memulakan perniagaan di Malaysia. Mana tidaknya, orang ramai tidak perlu lagi

pergi ke setiap agensi untuk membuat pendaftaran, sebaliknya boleh berbuat demikian secara *one touch point* sahaja dengan satu transaksi dan pembayaran.

Cekap dan terkini

Kewujudan sistem ini juga bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada pihak pengguna, malah ia turut memberikan impak besar kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini kerana ia memudahkan interaksi sesama agensi kerajaan dari pelbagai aspek terutamanya pertukaran maklumat, penyaluran input, pengesahan dan pengemaskinian data.

Idea untuk mewujudkan sistem MyCoID adalah salah satu usaha kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat pengguna.



Untuk maklumat lanjut, layari laman web SSM

www.ssm.com.my

atau hubungi hotline SSM

03-2299 5500



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA





Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi & Kepenggunaan



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

HARI Pemerbadanan Syarikat

Bercirikan:

- Interaksi satu-kaunter
- Penyetempan Memorandum & Artikel di SSM
- Pembelian buku-buku statutori, sijil saham dan meterai syarikat boleh dilakukan di kaunter SSM/laman web SSM
- Pewujudan kaunter advisory pemerbadanan untuk membantu proses pemerbadanan

JAM Pendaftaran Perniagaan



www.twitter.com/ssmofficialpage



www.facebook.com/ssmofficialpage



www.youtube.com/ssmofficialpage



www.flickr.com/ssmofficialpage